

# MUALAF DAN DORONGAN PENGISLAMAN

Oleh:

Mariam bt. Abd. Majid <sup>1</sup>  
Ab Aziz b. Mohd Zin <sup>2</sup>

## Abstrak

*Artikel ini membincangkan berkaitan pengertian mualaf dan faktor-faktor yang mendorong golongan mualaf memeluk Islam. Perbincangan turut mengenal pasti perkaitan antara dorongan memeluk Islam dengan teori keperluan manusia serta pengurangan dorongan dalam psikologi. Data-data artikel ini dilengkapi menerusi analisis dokumentasi serta temu bual berkaitannya. Pelbagai faktor luaran dan dalaman yang wujud pada diri telah menjadi dorongan seseorang mualaf untuk menganut Islam. Kembali kepada fitrah penciptaan manusia merupakan asas terhadap teori keperluan dan dorongan mualaf memeluk Islam.*

**Kata Kunci:** Mualaf, Dorongan Pengislaman, Teori Keperluan Serta Pengurangan Dorongan

## PENGERTIAN MUALAF

Terminologi mualaf dalam kajian ini berasaskan kepada al-Quran menerusi ayat 60 dalam surah al-Tawbah:

إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَكِينِ وَالْعَمِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ  
قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرِيمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ  
فَرِيضَةٌ مِّنْ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

(Al-Tawbah 9:60)

<sup>1</sup> Mariam bt. Abd. Majid (Ph.D), Pensyarah Kanan di Jabatan Dakwah dan Pengurusan, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

<sup>2</sup> Prof. Ab Aziz b. Mohd Zin (Ph.D), Ketua Eksekutif, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

*Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk golongan fakir, dan miskin, dan ‘āmil-‘āmil yang mengurusnya, dan golongan mualaf yang dilembutkan hatinya, dan untuk golongan hamba yang hendak memerdekaan dirinya dan orang yang berhutang, dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah dan golongan musafir yang keputusan (belanja) dalam perjalanan. Ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan yang datang daripada Allah. Dan ingatlah Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*

Ayat 60 dalam surah al-Tawbah ini menerangkan bahawa golongan mualaf merupakan salah satu daripada lapan golongan yang berhak menerima zakat. Terdapat pelbagai tafsiran ditemui mengulas berkaitan pengertian mualaf sebagaimana yang dimaksudkan dalam ayat tersebut.

*Mu’jam Alfāz al-Qur’ān al-Karīm* mendefinisikan (المؤلفة قلوبهم) sebagai (المستمالة قلوبهم إلى الإسلام بالإحسان إليهم) iaitu golongan yang dicenderungkan hati mereka kepada Islam dengan cara berbuat baik kepada mereka.<sup>3</sup> Golongan ini terbahagi kepada dua iaitu pertama ialah golongan yang baru memeluk Islam dan kedua ialah golongan yang belum memeluk Islam.

Sayid Qutb dalam tafsīr *fī Zilāl al-Qur’ān* membahagikan golongan (المؤلفة قلوبهم) kepada tiga kategori, kategori pertama ialah individu yang baru memeluk Islam dan dengan pemberian zakat diharapkan dapat mengukuhkan pegangan mereka terhadap Islam. Kategori kedua ialah individu yang belum memeluk Islam dan dengan pemberian harta zakat diharapkan dapat melembutkan hati mereka supaya memeluk Islam. Manakala, kategori ketiga ialah mereka yang telah memeluk Islam dan berpegang teguh dengannya dan menerusi pemberian harta zakat, mereka diharapkan dapat menarik minat dan kecenderungan hati orang-orang seperti mereka daripada kalangan kaum mereka untuk turut memeluk Islam setelah melihat saudara mereka mendapat rezeki yang banyak. Pemberian zakat ini menggambarkan kesempurnaan kebijaksanaan Allah S.W.T dalam mentadbir urusan hambaNya dalam setiap situasi dan persekitaran.<sup>4</sup> Prof. Dr. Wahbah

---

<sup>3</sup> *Mu’jam Alfāz al-Qur’ān al-Karīm* (1970), c. 3, al-Qāhirah: al-Hay’ah al-Miṣriyyah al-‘Ammah li Ta’līf wa al-Nashr. h. 45.

<sup>4</sup> Sayyid Qutb (1998), *fī Zilāl al-Qur’ān*, j. 3, al-Qāhirah: Dār al-Mashrūq, h. 1669.

al-Zuhaylī dalam tafsir *al-Munīr* menafsirkan (المؤلفة قلوبهم) sebagai golongan yang telah memeluk Islam tetapi niat mereka terhadap Islam masih lemah dan hati mereka perlu dijinakkan. Tafsiran ini juga merujuk kepada golongan yang mempunyai kemuliaan ekoran daripada pemberian harta zakat kepada golongan ini akan menyebabkan mereka memelihara dan mempertahankan Islam.<sup>5</sup> Tafsiran ini juga menjelaskan bahawa golongan mualaf terbahagi dua golongan iaitu mereka yang telah memeluk Islam dan yang belum memeluk Islam.

Al-Qurtubī dalam *al-Jāmi` li Aḥkām al-Qur'ān* menafsirkan kalimah (المؤلفة قلوبهم) sebagai mereka yang telah memeluk Islam dan melalui pemberian zakat diharapkan dapat menjinakkan hati mereka yang masih kurang keyakinan terhadap Islam. Golongan ini termasuk juga mereka yang kaya tetapi baru memeluk Islam.<sup>6</sup>

Pemberian zakat merupakan satu daripada manifestasi konsep ihsan terhadap golongan mualaf yang bertujuan untuk menjinakkan hati mereka.<sup>7</sup> Rasulullah S.A.W pernah memberikan zakat kepada beberapa orang Quraisy yang mempunyai kemuliaan bagi menjinakkan hati mereka dan kaum mereka sebagaimana yang terdapat dalam hadis berikut.<sup>8</sup>

عَنْ أَنَسٍ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ أَنَاسًا مِنَ الْأَنْصَارِ قَالُوا يَوْمَ حُنَيْنٍ حِينَ أَفَاءَ  
اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَمْوَالِ هَوَازِنَ مَا أَفَاءَ فَطَفِقَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعْطِي رِجَالًا مِنْ قُرَيْشٍ الْمِائَةَ مِنْ الْإِيلِ فَقَالُوا يَعْفُرُ اللَّهُ  
لِرَسُولِ اللَّهِ يُعْطِي قُرَيْشًا وَيَتَرَكُّنَا وَسُيُوفُنَا تَقْطُرُ مِنْ دَمَائِهِمْ قَالَ أَنَسُ  
بْنُ مَالِكٍ فَحَدَّثَ ذَلِكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ قَوْلِهِمْ  
فَأَرْسَلَ إِلَى الْأَنْصَارِ فَجَمَعُوهُمْ فِي قُبَّةٍ مِنْ أَدِمٍ فَلَمَّا اجْتَمَعُوا جَاءَهُمْ

<sup>5</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1998), *al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhāj*, j. 9, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 259.

<sup>6</sup> Abī 'Abd Allah Muḥammad b. Ahmad al-Anṣārī al-Qurtubī (1996), *al-Jāmi` li Aḥkām al-Qur'ān*, c. 2. j. 7, al-Qāhirah: Dār al-Hadīth, h. 166.

<sup>7</sup> Muḥammad Mutawallī (1991), *Tafsīr al-Sha'rāwī*, j. 9, al-Qāhirah: Dār Akhbār al-Yawm, h. 5223.

<sup>8</sup> Al-Imām Muslim b. al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī (1994), *Saḥīḥ Muslim*, kitab al-Zakāh, Bāb 'Itā' al-Muallafah Qulūbuhum 'alā al-Islām wa Taṣbir Man Qawia Imānuh, no. 1059, j. 3, Bayrūt: Dār al-Kutub, h. 541.

رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا حَدِيثُ بَلَغَنِي عَنْكُمْ فَقَالَ  
لَهُ فُقَهَاءُ الْأَنْصَارِ أَمَا ذُوو رَأْبِنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ فَلَمْ يَقُولُوا شَيْئًا وَأَمَا  
أُنَاسٌ مِنَ حَدِيثَةِ أَسْنَانِهِمْ قَالُوا يَغْفِرُ اللَّهُ لِرَسُولِهِ يُعْطِي فُرِيسًا وَيَتَرَكُّنا  
وَسَيُوفِنَا تَفَطَّرُ مِنْ دِمَائِهِمْ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِنِّي  
أُعْطِي رِحَالًا حَدِيثِي عَهْدٍ يُكْفِرُ أَنَّ الْفَهْمَ أَفَلَا تَرْضَوْنَ أَنْ يَذْهَبَ  
النَّاسُ بِالْأَمْوَالِ وَتَرْجِعُونَ إِلَى رِحَالِكُمْ بِرَسُولِ اللَّهِ فَوَاللَّهِ لَمَّا تَنَقَّلُوا  
بِهِ خَيْرٌ مِمَّا يَنَقَّلُونَ بِهِ فَقَالُوا بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ قَدْ رَضِيَّنَا قَالَ فَإِنَّكُمْ  
سَتَجِدُونَ أَثْرَهُ شَدِيدَهُ فَاصْبِرُوا حَتَّى تَلْقَوْا اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَإِنَّمَا عَلَى الْحُوْضِ  
قَالُوا سَنَصْبِرُ.

Daripada Anas b. Malik katanya: “Sesungguhnya segolongan Ansar berkata pada hari peperangan Hunain ketika Allah memberikan kepada RasulNya harta rampasan Hawazin sebagaimana yang telah diberikan. Lalu Rasulullah S.A.W telah memberi beberapa orang lelaki Quraisy sebanyak 100 ekor unta. Maka, mereka berkata: “Semoga Allah S.W.T mengampunkan Rasulullah, baginda hanya memberi orang Quraisy dan membiarkan kami sedangkan pedang-pedang kami masih dibasahi dengan darah mereka”. Anas b. Malik berkata: Maka, diceritakan hal itu kepada Rasulullah S.A.W daripada apa yang mereka katakan. Lalu baginda menghantar utusan kepada golongan Ansar dan mengumpulkan mereka dalam sebuah kubah daripada kulit. Apabila mereka telah berkumpul, Rasulullah S.A.W pun datang kepada mereka dan bertanya: “Apa cerita yang telah sampai kepadaku daripada kamu sekalian?” Maka berkata fuqahā’ Ansar: “Ada pun orang-orang yang berkedudukan antara kami, ya Rasulullah, mereka tidak berkata apa-apa, dan segolongan daripada kami yang masih muda telah berkata: Semoga Allah S.W.T mengampunkan Rasulullah, baginda hanya memberi orang Quraisy dan membiarkan kami sedang pedang-pedang kami masih dibasahi dengan darah mereka”. Maka sabda Rasulullah S.A.W pun bersabda:

*“Sesungguhnya, saya hanya memberi beberapa orang lelaki yang baru sahaja meninggalkan kekufuran untuk saya menjinakkan hati mereka, tidakkah kamu sekalian reda jika orang lain pulang dengan harta benda, sedangkan kamu sekalian kembali ke rumah masing-masing dengan Rasulullah? Maka demi Allah, apa yang kamu sekalian kembali dengannya itu adalah lebih baik daripada apa yang mereka kembali dengannya”. Lalu jawab mereka: “Bahkan ya Rasulullah, sesungguhnya kami reda”. Sabda baginda lagi: “Sesungguhnya kamu sekalian nanti akan menemui pembolotan yang dahsyat, maka bersabarlah sehingga kamu sekalian menemui Allah dan RasulNya, sesungguhnya aku kelak akan menanti kamu di ḥawḍ (telaga Nabi di akhirat)”. Balas mereka akhirnya: “Kami akan bersabar”.*

Di samping itu, pemberian zakat ini diharapkan dapat mewujudkan implikasi tarikan kaum Quraisy untuk mendekati Islam kerana status dan kedudukan golongan ini yang mempunyai pengaruh besar dalam masyarakat pada ketika itu. Imam Syafi'i menjelaskan bahawa golongan mualaf ialah mereka yang baru memeluk Islam. Pengagihan zakat bertujuan menguatkan pegangan mereka kepada Islam. Selain itu, zakat turut diagihkan kepada komuniti Islam yang mempunyai status dan kedudukan tinggi serta terkenal dalam kalangan kaum mereka. Pemberian zakat kepada golongan ini diharap dapat menarik minat dalam kalangan mereka yang belum beragama Islam untuk memeluk Islam. Golongan ketiga ialah komuniti Islam yang berada di tempat yang berbahaya dan berisiko tinggi untuk melindungi orang lain daripada serangan orang kafir serta keganasan pelampau. Individu yang ditugaskan untuk memungut zakat dalam kalangan kaumnya di lokasi penempatan yang sukar untuk dikenal pasti dan dijejaki oleh seseorang bagi tujuan pungutan zakat termasuk juga dalam kategori ini.<sup>9</sup>

Berdasarkan ini, adalah dilihat bahawa penafsiran golongan mualaf terbahagi kepada dua kategori iaitu mualaf Islam dan mualaf belum Islam. Kategori pertama terbahagi kepada tiga golongan iaitu pertama ialah mereka yang baru memeluk Islam tetapi belum

---

<sup>9</sup> Muṣṭafā Bughā al-Khin dan Muṣṭafā al-Bughā ‘Alī al-Sharbajī (2005), kitab *Fekah Mazhab Syafi'i*. trj. Ridzuan Hashim. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., h. 105.

mempunyai pegangan yang kuat terhadap Islam dan dengan pemberian zakat diharap dapat memantapkan pegangan mereka kepada Islam. Golongan kedua ialah golongan yang baru memeluk Islam dan mempunyai pegangan yang mantap dan dengan pemberian zakat ini dapat menarik perhatian kaum atau golongannya untuk menerima Islam dan ketiga ialah golongan yang telah memeluk Islam dan dengan pemberian ini membantu mereka memelihara kedudukan Islam.

Kategori kedua ialah mualaf yang belum Islam. Ia terbahagi kepada dua iaitu golongan mereka yang diberikan zakat untuk menjinakkan hati mereka kepada Islam dan golongan yang mempunyai kedudukan dan kemuliaan dalam kalangan kelompoknya iaitu dengan pemberian zakat diharap dapat menggunakan pengaruh dan kekuasaan mereka untuk melindungi dan memelihara Islam. Sungguh pun demikian, berlaku perbezaan pendapat dalam kalangan sebahagian ulama berkaitan isu pemberian zakat kepada golongan mualaf yang belum Islam. Menurut pendapat ulama mazhab Hanafi dan mazhab Syafi'i, golongan mualaf yang belum Islam tidak diberi zakat, sama ada untuk menjinakkan hati mereka kepada Islam atau tujuan lain. Manakala, ulama mazhab Hanbali dan mazhab Maliki pula berpendapat bahawa boleh diberi zakat kepada mereka supaya mereka cenderung kepada Islam sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W.

Berdasarkan penelitian terhadap dalil-dalil yang ditemui, golongan mualaf Islam berhak menerima zakat manakala golongan mualaf yang belum Islam boleh diberikan zakat berdasarkan keperluan dan maslahah. Selain isu pemberian zakat kepada golongan mualaf, timbul juga isu berkaitan tempoh panggilan mualaf terhadap golongan yang baru memeluk Islam. Isu ini timbul berikutan tempoh panggilan mualaf mempunyai implikasi berkaitan konsistensi pemberian zakat terhadap mereka. Terdapat beberapa pandangan berkaitan konsistensi pemberian zakat terhadap golongan mualaf Islam. Imam Abu Hanifah dan Imam Malik berpendapat bahawa peruntukan zakat untuk golongan mualaf gugur dengan perkembangan Islam dan kemenangannya iaitu apabila Islam telah kuat kedudukannya. Ini didasarkan kepada asas pemberian zakat terhadap golongan mualaf yang bertujuan untuk menjinakkan mereka kepada Islam sekali gus mempertahankan entiti Islam sewaktu Islam dan umat Islam berada dalam keadaan yang lemah dan tidak menentu dari segi penerimaannya dalam kalangan masyarakat. Pelaksanaan ini tidak dilakukan apabila kedudukan Islam dalam masyarakat telah kukuh. Sayidina Umar r.h. telah menghentikan pemberian zakat terhadap golongan mualaf ini. Tindakan Sayidina

Umar r.h. ini tidak membuktikan bahawa hak menerima zakat golongan ini dimansuhkan tetapi tindakan menghentikan pemberian zakat adalah tertakluk kepada keperluan dan kedudukan agama Islam pada ketika itu.<sup>10</sup> Sayidina Umar r.h. tidak mengagihkan peruntukan zakat kepada golongan mualaf pada zaman pemerintahannya kerana tiada keperluan untuk melakukannya bukan menggugurkan bahagian zakat terhadap golongan mualaf. Pandangan ini selaras dengan pendapat jumhur ulama bahawa hak peruntukan zakat kepada golongan mualaf adalah kekal atau tidak dimansuhkan dan ini akan diagihkan semula kepada mereka apabila wujud keperluan.

## DORONGAN PENGISLAMAN

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong seseorang mualaf untuk memilih agama Islam sebagai anutan. Seseorang mualaf terdorong untuk memeluk Islam bermula dengan kewujudan niat yang tersemat di dalam hati mereka. Niat adalah lahir daripada keyakinan dalam hati dan kecenderungan atau pun kehendak untuk melakukan suatu pekerjaan tertentu. Motivasi atau dorongan adalah suatu keperluan yang terbit hasil kewujudan niat yang menuntut seseorang berfikir bagi sesuatu pekerjaan dan seterusnya dia akan merealisasikannya.<sup>11</sup> Niat yang tertanam dalam diri seseorang mualaf terbit ekoran pelbagai sebab yang berlainan antara seorang mualaf dengan seorang mualaf yang lain. Sehubungan dengan niat ini, terdapat isu yang sering timbul berkaitan matlamat seseorang mualaf memeluk Islam antaranya ialah wujud pertikaian terhadap niat dan kejujuran golongan mualaf memeluk Islam.<sup>12</sup> Sebahagian golongan mualaf dikatakan memeluk Islam kerana kepentingan sesuatu berbanding memeluk Islam dengan benar dan jujur.<sup>13</sup>

Dalam keadaan ini, adalah disimpulkan bahawa walau apa pun niat, matlamat dan faktor yang mendorong seseorang mualaf

---

<sup>10</sup> Muḥammad Mutawallī (1991), *Tafsīr al-Sha`rāwī*, j. 9, al-Qāhirah: Dār Akhbār al-Yawm, h. 5223.

<sup>11</sup> Muḥammad Izuddin Taufik (2006), *Panduan Lengkap dan Praktis Psiologi Islam*. Jakarta: Gema Insani, h. 654

<sup>12</sup> Roslizawaty Ramly (2008), “Faktor-faktor Pemelukan Islam di Kalangan Orang Cina di Malaysia”, *Contemporary Issues and General Studies*. Nilai : USIM, h. 84.

<sup>13</sup> Amran Kasimin (1985), *Saudara Baru Cina di Wilayah dan Selangor*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 99-100.

memeluk Islam, mereka tetap diiktiraf sebagai seorang Islam kerana niat seseorang hanya diketahui Allah S.W.T berdasarkan kepada hadis:<sup>14</sup>

قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِنَّمَا الْأَعْمَالَ بِالنِّيَاتِ  
وَإِنَّمَا لِكُلِّ اِمْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ إِلَى  
امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

“Sesungguhnya, segala amalan adalah bergantung dengan niat dan sesungguhnya seorang akan memperoleh balasan menurut apa yang ia niatkan. Maka siapa hijrahnya kepada Allah dan RasulNya, maka hijrahnya kepada Allah dan RasulNya. Dan sesiapa yang hijrahnya bertujuan untuk memperoleh habuan dunia yang dia akan memperolehinya atau perempuan yang dia ingin mengahwininya, maka hijrahnya adalah kepada apa yang ia berhijrah kepadanya itu.

Hadir di atas menjelaskan bahawa segala amal itu adalah bermula dengan niat yang mempunyai tujuan dan matlamat yang dimaksudkan. Seseorang akan mendapat balasan selaras dengan apa yang diniatkan menurut ikhtiar dan pilihan hatinya sendiri.<sup>15</sup> Justeru, isu niat dan matlamat seseorang mualaf memeluk Islam sedaya mungkin tidak diperbesarkan kerana kadang kala ia menyentuh sensitiviti sebahagian golongan mualaf dan dibimbangi akan memberi kesan negatif. Hussin Yee dalam majalah *al-Islam* menjelaskan bahawa pada tahap ketenangan selepas beliau memeluk Islam, beliau menghadapi masyarakat Melayu-Islam yang bersikap prejudis tentang niatnya memeluk Islam. Ini mengakibatkan saudara muslim hilang tempat untuk mengadu dan rasa diri terhina di sisi masyarakat Islam yang lain.<sup>16</sup> Seseorang mualaf terdorong untuk memeluk Islam adalah berpunca daripada beberapa faktor dalaman dan luaran yang boleh diuraikan sebagaimana berikut:

<sup>14</sup> Muḥammad b. Isma`īl al-Bukhārī, (1999), *Saḥīḥ al-Bukhārī*, “Kitāb Bad’i al-Wahy”, no. h. 1. c.2. Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī’, h. 1.

<sup>15</sup> Mustafa Abdul Rahman (1998), *Hadis 40 Terjemahan dan Syarahnya*. c. 4. Selangor: Dewan Pustaka Fajar, h. 58.

<sup>16</sup> Noorzila Jamaludin (1994), “Berikan Mualaf Asas Iman Yang Kuat”. *Al-Islam*, Disember, h. 19.

## 1. Mencari Makna Hidup

Mencari makna hidup boleh difahami sebagai mencari erti kehidupan yang lebih mendalam.<sup>17</sup> Terdapat empat faktor seseorang manusia mencari makna hidup iaitu mencari tujuan kehidupan, merasai wujudnya kawalan terhadap diri, menentukan justifikasi terhadap tindakan dan berupaya meningkatkan harga diri.<sup>18</sup> Kenyataan ini disokong oleh Viktor Frankl dalam bukunya *Man's Search For Meaning* menyatakan bahawa manusia mempunyai dorongan semula jadi untuk hidup dengan penuh bermakna iaitu mempunyai matlamat yang disandarkan kepada nilai-nilai bermakna. Jika makna hidup seseorang tidak dapat dirasai, maka individu tersebut akan mengalami suatu keadaan yang dinamakan sebagai vakum kewujudan iaitu merasa kekosongan perasaan serta tiada dorongan untuk terus hidup. Seseorang yang mempunyai visi atau harapan tentang makna sebuah kehidupan akan lebih tahan dan mampu mengharungi dugaan untuk hidup<sup>19</sup> lebih lama berbanding mereka yang kehilangan harapan atau makna hidup. Demikianlah dorongan pencarian makna hidup berupaya menemukan seseorang mualaf terhadap jawapan kepada makna kehidupan yang berkisar terhadap persoalan siapakah pencipta manusia dan tujuan hakiki kehidupan manusia.

## 2. Mencari Ketenangan

Ketenangan merupakan suatu perasaan yang sentiasa dicari oleh setiap manusia. Ketenangan berkait rapat dengan pemikiran dan perasaan. Leon Festinger melalui teori ketakserasan kognitif menyatakan bahawa manusia terdorong untuk mengekalkan keserasian kognitif. Pegangan atau kepercayaan adalah contoh elemen kognitif. Keserasian adalah merupakan keadaan psikologi yang menyenangkan fikiran seseorang sebaliknya ketakserasan sesuatu yang tidak menyenangkan dan cuba dijauhi. Apabila ketakserasan antara komponen kognitif berlaku, satu keadaan ketakserasan akan wujud menyebabkan ketegangan dan ketakselesaan mental. Teori ini meramalkan bahawa kewujudan dua

---

<sup>17</sup> Parlindungan Marpaung (2010), *Mencari Makna Hidup*. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd. h. vii.

<sup>18</sup> William C. Compton (2005), *An Introduction to Positive Psychology*. U.S.A.: Thomson Learning Inc., h. 201.

<sup>19</sup> Viktor, E. Frankl (1967), *Man's Search for Meaning: An Introduction to Logo Therapy*, c. 10, U.S.A.: A Washington Square Press, h. 154.

perkara yang tidak selari akan menyebabkan ketegangan jiwa. Teori disonansi kognitif menjelaskan setiap individu memerlukan jiwa yang tenang dan tenteram agar emosi dan fikiran berada dalam keadaan selesa dan seronok. Ketenangan tercapai apabila sesuatu yang diharapkan menjadi kenyataan seperti yang difahami dan diramalkannya. Sebaliknya dia akan berasa tidak tenang dan tidak tenteram, tegang dan terganggu apabila kecewa kerana tidak mencapai sesuatu harapan seperti yang diramal dan diharapkannya.<sup>20</sup> Menurut Mohd Salleh Lebar dalam bukunya bertajuk *Asas Psikologi Perkembangan*, menjelaskan bahawa manusia terdorong melakukan sesuatu tindakan bagi menghilangkan gangguan tehadap kognitifnya iaitu melalui usaha mencari faktor yang menyebabkan wujudnya ketegangan tersebut agar keadaan fikiran dan jiwa kembali menjadi tenang dan tenteram. Ketegangan yang dialami oleh seseorang manusia dapat dikurangkan melalui usaha mengubah sikap atau pendapat seseorang bagi mengembalikan keseimbangannya. Hasilnya, jiwa akan berada dalam keadaan tenteram dan seimbang serta tidak lagi merasai ketegangan yang mendorong untuk melakukan perubahan terhadap diri, sikap, pemikiran atau tingkah laku.<sup>21</sup> Dorongan-dorongan yang berlaku terhadap manusia bertujuan mengurangkan ketegangan pada fikiran dan jiwa yang dialami. Bagi mualaf, pegangan dan ajaran Islam berupaya memberi jalan yang mengurangkan ketegangan fikiran, tekanan dan kekosongan jiwa yang dirasai oleh seseorang.

Encik Mohd Amir al-Karīm Ng Abdullah menjelaskan bahawa beliau terdorong memeluk Islam untuk mengisi kekosongan hati yang dialaminya. Beliau mendapati jiwanya tenteram, tidak bergelora dan menikmati ketenangan selepas menganut Islam.<sup>22</sup> Demikian juga, seorang pemuzik terkenal Cat Steven atau nama Islamnya Yusuf Islam menjelaskan bahawa agama Islam yang dianuti telah menemukannya dengan kebahagiaan dan ketenangan sebenar berbanding sebelum Islam, yang mana beliau hidup dalam keadaan senang dan mewah tetapi merasa dunia kosong kerana tiada keyakinan terhadap agama.<sup>23</sup> Thomas Laiden menyatakan bahawa fikirannya menjadi tenang kerana

---

<sup>20</sup> Leon Festinger (1957), *A Theory of Cognitive Dissonance*, California: Stanford University Press, h. 3-4.

<sup>21</sup> Mohd Salleh Lebar (1995), *Asas Psikologi Perkembangan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, h. 33.

<sup>22</sup> Mazuen Yahaya (2005), *Islam Pilihanku Pengucapan Syahadah 39 Insan di Malaysia*, Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd., h. 177.

<sup>23</sup> Muhammad Ghaffar (1995), *Nur Hidayah Kisah Orang-orang Yang Masuk Islam & Bertaubat*, Kuala Lumpur: Darul Nu'man, h. 1.

Islam yang dianutinya telah merungkaikan segala persoalan yang muncul dalam fikirannya berkaitan kepalsuan yang ditemuinya dalam kitab Injil Barnabas.<sup>24</sup> Tegasnya ketenangan merupakan suatu perkara yang sangat penting bagi seseorang manusia dan manusia terdorong untuk mencari ketenangan terutamanya dengan cara memeluk agama Islam.

### 3. Hasil Pemerhatian

Pemerhatian turut menjadi salah satu faktor yang mendorong seseorang mualaf memeluk Islam. Sesuatu peristiwa yang berlaku boleh memberikan pengajaran terhadap seseorang. Antara metodologi pendidikan yang digunakan dalam al-Quran ialah pemerhatian. Firman Allah S.W.T:

أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبْلِ كَيْفَ خُلِقَتْ ١٤ وَإِلَى السَّمَاءِ  
كَيْفَ رُفِعَتْ ١٥ وَإِلَى الْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ ١٦ وَإِلَى الْأَرْضِ  
كَيْفَ سُطِحَتْ ١٧ فَذَكِّرْ إِنَّمَا أَنْتَ مُذَكِّرٌ

(Al-Ghāshiyah 88: 17-21)

*Mengapakah mereka yang kafir masih mengingkari akhirat) tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta, bagaimana ia diciptakan? Dan keadaan langit, bagaimana ia ditinggikan binaannya? Dan keadaan gunung ganang, bagaimana ia ditegakkan? Dan keadaan bumi, bagaimana ia dihamparkan? Oleh itu, berikanlah sahaja peringatan (wahai Muhammad, kepada manusia, dan janganlah berdukacita kiranya ada yang menolaknya), kerana sesungguhnya engkau hanyalah seorang rasul pemberi ingatan.*

Ayat di atas menjelaskan berkenaan keadaan kaum musyrikin yang mengingkari kebenaran hari kiamat serta tidak mengambil iktibar daripada kekuasaan Allah S.W.T melalui penciptaan unta, langit, bukit

---

<sup>24</sup> Lokman Ab. Rahman (1995), Cabaran Memilih Islam, Melaka: Balai Islam Melaka, h. 47-48.

dan bumi.<sup>25</sup> Segala keunikan penciptaan Allah S.W.T yang dinyatakan dalam al-Quran adalah bertujuan untuk merangsang pemikiran manusia terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah S.W.T dan seterusnya menghubungkan proses berfikir tersebut dengan kehidupan.<sup>26</sup>

Seorang oceongrafer, Jacques Yves Costeau memeluk Islam hasil penemuan dan pemerhatian beliau terhadap ciptaan aliran air sungai dalam lautan. Beliau berasa sangat kagum dan menemui penerangan fenomena tersebut menerusi ayat-ayat al-Quran berikut:<sup>27</sup>

مَرْجَ الْبَحْرَيْنِ يَلْتَقِيَانِ  
بَيْنَهُمَا بَرْزُخٌ لَا يَبْغِيَانِ

(Al-Rahmān 55:19-20)

Ia biarkan air dua laut (yang masin dan yang tawar) mengalir, sedang keduanya pula bertemu, Antara keduanya ada penyekat yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadannya.

Surah al-Furqān, ayat 53 menerangkan fenomena yang sama iaitu;

وَهُوَ الَّذِي مَرَّجَ الْبَحْرَيْنِ هَذَا عَذْبٌ فُرَاتٌ وَهَذَا مِلْحٌ  
أَجَاجٌ وَجَعَلَ بَيْنَهُمَا بَرْزَحًا وَحِجْرًا مَحْجُورًا

(Al-Furqān 25: 53)

*Dan Dia lah Tuhan yang telah mengalirkan dua laut berdampingan, yang satu tawar lagi memuaskan dahaga, dan yang satu lagi masin lagi pahit; serta ia menjadikan antara kedua-dua laut itu sempadan dan sekatan yang menyekat percampuran keduanya.*

<sup>25</sup> Ahmad Muṣṭafā al-Marāghī (1985), *Tafsīr Al-Marāghī*, j. 10, Bayrūt Dār Ihyā' al-Turāth al-`Arabī, h. 136.

<sup>26</sup> Sidek Baba (2006), *Pendidikan Rabbani Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*, Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd. h. 118.

<sup>27</sup> <http://muslim.com/blogs/siecantik/river-of-the-sea-lead-mr-jacques-yves-costeau-to-be-moslem/>, 28 Februari 2011.

Kedua ayat di atas menjelaskan bahawa antara tanda kekuasaan Allah S.W.T ialah menjadikan dua sifat air laut iaitu air tawar dan air masin dalam sebuah lautan.<sup>28</sup> Kedua jenis air lautan ini bercantum tetapi dapat dibezaikan ekoran perbezaan sifat antara satu sama lain.<sup>29</sup> Keunikan fenomena ciptaan ini membuktikan kebenaran kandungan al-Quran dan agama Islam sekali gus menzahirkan keagungan Allah S.W.T dengan penciptaanNya.

Kepentingan metode pemerhatian banyak dijelaskan dalam al-Quran dan ia merupakan salah satu kaedah bagi membuka hati manusia untuk memeluk Islam sekali gus menemukan manusia terhadap penciptaNya iaitu Allah S.W.T.

#### 4. Hasil Kajian

Proses menemui kebenaran memerlukan usaha mencari ilmu pengetahuan yang boleh dilaksanakan dengan pelbagai kaedah seperti pembacaan, pertanyaan, perbincangan, pengembaraan, proses berfikir dan membuat perbandingan. Kajian terhadap kandungan al-Quran merupakan faktor dorongan ramai golongan mualaf memeluk Islam. Ahmed Deedat menemui hidayah Islam melalui usaha mempelajari al-Quran serta kajian terhadap Bible dan kesusasteraan yang lain.<sup>30</sup> Demikian juga dengan Prof. Dr. Jefri Lang, seorang pensyarah dan penyelidik dalam bidang Matematik di Universiti Kansas, salah sebuah universiti yang terkemuka di Amerika Syarikat telah memeluk Islam setelah meneliti keunggulan kandungan al-Quran.<sup>31</sup> Selain kajian terhadap al-Quran, proses pembelajaran turut merupakan faktor dorongan seseorang memeluk Islam. Ny. Amina Moslem yang berbangsa Jerman menyatakan bahawa dia berpuas hati dengan ajaran Islam yang dipelajari dengan terperinci daripada seorang imam di Masjid Berlin dan faktor ini menyebabkan dia memeluk Islam. Katanya:

---

<sup>28</sup> Wahbah al-Zuhaylī (2002), *Tafsir al-Munīr*, j. 27, c. 1, Persatuan Ulama Malaysia: Intel Multimedia And Publications, h. 213.

<sup>29</sup> Muḥammad `Alī al-Šābūnī (1996), *Ṣaṭṭāwah al-Tafāsīr*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 336.

<sup>30</sup> Ahmad Deedat (2003), *Debat Islam & Kristian Jilid I & II*, Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, h.310.

<sup>31</sup> Sarina Mohd Som, “Professor Jeffrey Lang Temui Hidayah Melalui Al-Quran” Majalah I, Ogos 2010, bl. 94, h. 83-85.

*Keadaan ini terjadi pada tahun 1928. Ini merupakan saat pertama kali saya merasa perlu mengetahui mengenai Islam. Setelah beberapa tahun, saya datang menjumpai seorang imam di Masjid Berlin. Dia menjelaskan kepada saya mengenai Islam secara terperinci. Selanjutnya, saya yakin bahawa hanya Islam yang dapat memuaskan hati saya. Kerana itu, saya memeluk agama Islam. Dan sekarang saya dapat mengatakan dengan bangga kepada cucu saya bahawa saya adalah seorang muslimah.* <sup>32</sup>

Sementara itu, seorang yang berbangsa Amerika iaitu Muhammad Alexander Russel Webb yang merupakan seorang diplomat, wartawan dan pengarang telah menulis faktor yang menyebabkan dia menganut Islam adalah hasil kajianya yang mendapati bahawa Islam adalah satu agama yang terbaik, sesuai dengan keperluan spiritual dan kemanusiaan.<sup>33</sup> Suwai b. al-Šāmiṭ dan Iyās b. Mu`ādh merupakan dua individu yang datang dari Madinah ke Mekah memeluk Islam setelah berpuas hati mendengar penjelasan berkaitan Islam yang disampaikan oleh Rasulullah S.A.W.<sup>34</sup> Penemuan hasil kajian membantu manusia menemui jawapan yang dicari berkaitan kebenaran Islam sehingga memuaskan hati setelah menemuinya.

## 5. Islam Dapat Menyelesaikan Masalah

Islam merupakan satu agama yang menjamin kesejahteraan umat. Terdapat banyak jaminan Allah S.W.T terhadap hambaNya bahawa setiap kesusahan yang dihadapi akan diganjari dengan kesenangan apabila meletakkan pergantungan kepada Allah S.W.T sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَمَنْ يَتَّقِ اللهُ تَجْعَلُ لَهُ مَخْرَجًا ﴿١﴾ وَيَرْزُقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ  
وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللهِ فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ اللهَ بَلَغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ  
اللهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٢﴾

<sup>32</sup> Badr Azimabadi (2001), *Islam The Final Choice*, trj., Fikr Jakarta:Darul Falah, h.136.

<sup>33</sup> *Kami Pilih Islam* (1977), Bey Ariffin trj. Singapura: Pustaka Nasional, h. 54-58.

<sup>34</sup> Ab Aziz Mohd Zin (2012), *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi S.A.W*, Kuala Lumpur: Jab. Dakwah & Pembangunan Insan, APIUM, h. 189.

...Sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (daripada segala perkara yang menyusahkannya), serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telah pun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.

Ayat ini menjelaskan bahawa sesiapa yang menyerahkan semua pergantungan urusannya kepada Allah S.W.T setelah segala usaha dan ikhtiar dilaksanakan, maka Allah S.W.T akan menyempurnakan hajatnya selaras dengan ketentuan dan keizinanNya.<sup>35</sup> Allah S.W.T menjadikan manusia beserta panduan dan tatacara yang terbaik untuk diikuti iaitu Islam yang menepati cara hidup selaras dengan fitrah seseorang manusia.

## 6. Mendapat Ilham/Bermimpi

Mimpi merupakan penglihatan atau pengalaman dalam tidur.<sup>36</sup> Ilham pula merupakan sesuatu ilmu yang dipancarkan dalam hati seseorang.<sup>37</sup> Sebahagian daripada kaedah memperolehi hidayah Allah S.W.T kadangkala dijelmakan melalui mimpi dan ilham seseorang.<sup>38</sup> Ilham dan mimpi merupakan suatu kurniaan Allah S.W.T terhadap seseorang mualaf yang telah menggerakkan hatinya untuk mendekati Islam.

---

<sup>35</sup> Ahmad Muṣṭafā al-Maraghī (1985), *Tafsīr al-Marāghī*, j.10, Bayrūt: Dār al-Iḥyā' al-Turāth al-‘Arabī, h. 141-142.

<sup>36</sup> Kamus Pelajar Lengkap (1991), cet. 15, Selangor: Federal Publications Sdn. Bhd. h. 285.

<sup>37</sup> Abū Ḥamīd Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazālī (1968), *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, j. 3. al-Qāhirah: Mu`assasah al-Ḥalabī wa Shurakāh, h. 20.

<sup>38</sup> Khadijah Mohd Khambali et al (2010), “Peranan Teratak Fitrah Dalam Melestarikan Jalinan Dialog Kehidupan Saudara Baru Sabah”, *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu dan Cabaran Semasa*, P. Pinang: Penerbit Univ. Sains Malaysia, h. 217.

## 7. Pengaruh Pergaulan Dengan Orang Islam Yang Berakhhlak Mulia

Rasulullah S.A.W mempunyai akhlak luhur yang menjadi contoh ikutan yang terbaik.<sup>39</sup> Contoh ketinggian akhlak yang ditonjolkan baginda ialah layanan yang baik sehingga menarik perhatian Thumāmah b. ‘Utsal al-Hanafī, antara ketua Bani Hanifah dan Raja Yamamah yang ditaati dan dihormati untuk memeluk agama Islam.<sup>40</sup> Seorang saudara baru Nur ‘Athiroh Masyaa’il Tan menyatakan bahawa beliau tertarik memeluk Islam ekoran pergaulannya dengan kawan-kawan yang beragama Islam serta ustazah di sekolahnya yang telah menonjolkan akhlak yang sangat memikat hatinya.<sup>41</sup> Seorang bekas paderi Katolik, Idris Tawfiq telah memeluk Islam menerusi teman baru yang ditemui di Mesir setelah berpindah dari London. Beliau mendapat gambaran sebenar tentang Islam di Mesir, sekali gus menolak segala salah faham buruknya terhadap Islam selama ini.<sup>42</sup> Seorang guru tarian, Denise Horsley menyatakan bahawa beliau mengenali Islam setelah diperkenalkan oleh rakannya.<sup>43</sup> Paparan muka dan tutur kata yang manis yang diucapkan merupakan antara faktor berupaya menarik seseorang kepada Islam.<sup>44</sup> Demikianlah akhlak yang baik dan pertolongan yang dihulurkan merupakan sebahagian daripada faktor yang berupaya mendorong seseorang mualaf memeluk Islam dan diperakui sebagai salah satu metodologi dakwah yang efektif.

## 8. Perkahwinan Dengan Pasangan Beragama Islam

Perkahwinan merupakan salah satu faktor dorongan seseorang mualaf memeluk Islam. Perkahwinan juga merupakan salah satu kaedah yang berkesan dalam usaha menarik dan membimbing seseorang mualaf yang memeluk Islam.<sup>45</sup> Mohd Aliuddin Liew Abdullah memeluk Islam

---

<sup>39</sup> Abu ‘Urwah (1989), *Risalah Usrah*, j. 3, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 55.

<sup>40</sup> Abdul Rahman Ra’fat al-Basha (2006), *65 Gambaran Kehidupan Sahabat I*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 60.

<sup>41</sup> Nur ‘Athiroh Masyaa’il Tan bt. Abdullah @ Tan Ai Pao, Temu bual pada 5 hb. Julai 2011.

<sup>42</sup> Al-Islam, Mei 2011, h. 8.

<sup>43</sup> Berita Harian, Januari 5, 2011:34 “100,000 Peluk Islam di Britain, Kajian Faith Matters Tunjuk Ada Pertambahan”.

<sup>44</sup> Fathī Yakan (1985), *Konsep Penguasaan Dalam Kehidupan Dakwah dan Pendakwah*, trj. Alias Othman, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 60-69.

<sup>45</sup> Op. cit., h. 204.

melalui perkahwinannya dengan seorang gadis Islam. Isterinya telah mengajarnya berkaitan agama Islam sehingga berupaya merubah corak kehidupannya.<sup>46</sup> Pasangan suami atau isteri terhadap seorang mualaf mestilah berperanan sebagai pembimbing untuk menyampaikan ajaran Islam. Sungguh pun demikian, terdapat juga keadaan sebaliknya berlaku apabila pasangan yang mengahwini seseorang mualaf tidak berperanan sebagai pembimbing dan pendorong ke arah mengamalkan ajaran Islam dan menonjolkan sikap baik sebagai seorang Islam. Situasi ini, kadang kala menyebabkan seseorang mualaf merasa kecewa dan membawa kepada pelbagai masalah seperti percaduhan, penceraian dan sebagainya. Kegagalan dalam perkahwinan dan penceraian merupakan antara faktor yang dinyatakan oleh sebahagian golongan mualaf untuk bertindak keluar dari agama Islam atau kembali menganut agama asal mereka. Menerusi penelitian terhadap alasan-alasan permohonan keluar Islam bagi 12 kes di Mahkamah Tinggi Syariah Kota Kinabalu mendapati pemohon telah bercerai dengan pasangannya termasuk kes Umi Kalthum yang berjaya dalam percubaannya.<sup>47</sup> Perkahwinan merupakan salah satu aspek dalam motif biologi dan faktor dominan dalam mempengaruhi tindakan seseorang manusia kerana motif biologi adalah antara salah satu faktor yang mendorong tingkah laku seseorang manusia. Perkahwinan adalah antara dorongan yang tinggi menjadi dorongan pengislaman seseorang mualaf.

## **9. Mengikut Keluarga (Pengislaman Sekeluarga)**

Mengikut keluarga atau pengislaman keluarga merupakan antara faktor yang mendorong seseorang mualaf terdorong untuk menganut Islam. Kelahiran dalam suasana keluarga mualaf mendorong seseorang untuk menganut Islam sebagaimana ibu bapa mereka. Antara mualaf yang memilih Islam sebagai cara hidup mereka ialah Nazery Johari Abdullah, Musa Adam dan Hassan.<sup>48</sup> Faktor ini turut dibuktikan dalam satu kajian lain yang mengemukakan bahawa salah satu faktor yang mendorong masyarakat Dusun dan Murut di Brunei Darussalam

---

<sup>46</sup> Al-Islam, Mei 2011, h. 56-58.

<sup>47</sup> Pg. Ismail b. Pg Musa (2010), “Prosedur Pemelukan Islam Bagi Tujuan Perkahwinan di Negeri Sabah: Kajian Kes Umi Kalthum Hwa Abdullah @ Hwa Fui Sun Dengan Ketua Pendaftar Muallaf Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah”, *Prosiding Seminar Kebangsaan Saudara Kita: Isu dan Cabaran Semasa*, USM: Bhg. Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, h. 434.

<sup>48</sup> Norrodzoh Hj. Siren (2000), “Isu Saudara Baru Dalam Media Islam”, *Jurnal Usuluddin*, bil. 11. h. 72.

memeluk Islam ialah dorongan keluarga yang telah memeluk Islam.<sup>49</sup> Pengislaman keluarga ekoran ikatan kekeluargaan yang terjalin adalah suatu dorongan kuat yang menarik ahli keluarga lain untuk turut sama memeluk Islam.

## **10. Mudah Mendapat Bantuan Kewangan/Kebajikan**

Faktor terakhir ialah mudah mendapat bantuan. Islam memperuntukkan pemberian zakat terhadap golongan yang memeluk Islam. Ajaran Islam sangat menitikberatkan aspek keprihatinan, saling bantu-membantu antara satu dengan yang lain. Kefarduan zakat adalah antara bukti menunjukkan kepentingan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat melalui harta yang dimiliki oleh seseorang.<sup>50</sup> Terdapat dalam kalangan golongan mualaf yang terdorong memeluk Islam bertujuan untuk mendapatkan pembelaan, bantuan dan sokongan berbentuk material.

## **11. Dorongan Pengislaman dan Kaitannya Dengan Keperluan Manusia**

Secara umumnya faktor-faktor yang mendorong seseorang mualaf memeluk Islam boleh dilihat menerusi dua dimensi keperluan iaitu fizikal (luaran) dan spiritual (dalaman). Ia selaras dengan keperluan gabungan dua entiti penciptaan manusia. Manusia adalah kejadian yang terbentuk daripada dua entiti yang berlainan tetapi bercampur dalam satu kejadian iaitu segumpal tanah dan satu tiupan ruh daripada Allah S.W.T.<sup>51</sup> Kedua unsur ciptaan manusia ini merupakan antara kurniaan dan kelebihan yang telah dianugerahkan oleh Allah S.W.T kepada para hambaNya dan menuntut pengisian bagi menyubur dan menyempurnakan penciptaannya secara bersepada, adil dan seimbang. Firman Allah S.W.T:

---

<sup>49</sup> Rasinah bt. Haji Ahim (2010), “Faktor Pemelukan Islam Dalam Masyarakat Dusun dan Murut di Brunei Darussalam”, *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu dan Cabaran Semasa Pulau Pinang*: Univ. Sains Malaysia, h. 187.

<sup>50</sup> Mohd Gunawan Che Ab. Aziz (2008), *Jurnal Pengurusan Jawhar*, “Falsafah Pengurusan Harta: Tinjauan Qurani”, Kuala Lumpur: MISAS Advertising Sdn. Bhd., h. 147.

<sup>51</sup> ‘Abd Majīd Najjār (1994), *Khilāfat al-Insān Bayna al-Wahy wa al-‘Aql: Bahth fī Jadaliyāt al-Nass wa al-‘Aql wa al-Wāqi*, c. 2, U.S.A.: The International Institute of Islamic Thought, h. 57.

ثُمَّ جَعَلَ نَسْلَهُ مِنْ سُلَالَةٍ مِّنْ مَّا إِمَّا مَهِينٌ ﴿٨﴾ ثُمَّ سَوَّلَهُ وَنَفَخَ  
فِيهِ مِنْ رُّوحِهِ وَجَعَلَ لَكُمُ الْسَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْدَةَ  
قَلِيلًا مَا تَشْكُرُونَ ﴿٩﴾

(Al-Sajdah 32: 8-9)

*Kemudian Dia (Allah) menjadikan keturunan manusia itu daripada sejenis pati, iaitu daripada air (benih) yang sedikit dipandang orang; Kemudian Dia menyempurnakan kejadiannya, serta meniupkan padanya: roh ciptaanNya. Dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran, supaya kamu bersyukur, tetapi amatlah sedikit kamu bersyukur.*

Ayat di atas menjelaskan bahawa manusia memiliki anggota fizikal yang lengkap yang diberi kemuliaan dengan tiupan ruh yang menjurus manusia ke arah memiliki rohani yang mantap. Manusia dibezakan dengan makhluk lain melalui kurniaan akal bagi memilih antara yang baik dan buruk serta perkara yang boleh membawa keredaan Allah S.W.T. Penyuburan aspek rohani dilaksanakan melalui pembersihan jiwa daripada unsur syirik, takbur, riak, 'ujub, khurafat dan pelbagai sifat keji yang lain manakala penyuburan aspek fizikal melalui pengambilan makanan seimbang, pakaian menutup aurat, menjaga kebersihan, memelihara kesihatan diri dan menikmati hiburan (yang dibenarkan).<sup>52</sup> Secara fitrah, manusia akan berasa tenang, tenteram, lega dan puas apabila kedua keperluan unsur ciptaannya iaitu rohani dan jasmani dapat dipenuhi.<sup>53</sup> Santapan jasmani dan santapan rohani akan menjadikan jiwa suci, hati bersih serta kehidupan menjadi tenang.<sup>54</sup>

Seseorang manusia sentiasa berusaha untuk mencapai kepuasan terhadap aspek keperluan spiritual dan jasmani dirinya. Antara contoh

<sup>52</sup> Ab. Aziz Yusof & Ahmad Bashir Aziz (2008), *Pengurusan Perniagaan Islam Konsep, Isu dan Pelaksanaan*, Sintok: UUM, h. 25-27.

<sup>53</sup> Faizah, et al (2006), *Psikologi Dakwah*, Jakarta: Prenada Media, h. 56-57.

<sup>54</sup> Sayid Sabiq (2000), *al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*, c. 10, al-Qāhirah: Dār al-Fath li al-I'lāmī al-'Arabī, h. 74-53. Lihat juga 'Abbās Maḥmūd al-Aqād (t.t), *al-Insān fī al-Qur'ān*, Misr: Nahḍah al-Miṣr, h. 27.

keperluan spiritual seseorang manusia ialah memperolehi ketenangan, kebahagiaan atau kelapangan manakala keperluan fizikal ialah kesihatan, intelektual dankekayaan.<sup>55</sup> Kepentingan menstabilkan keperluan aspek spiritual dan fizikal seseorang manusia dibuktikan apabila seseorang manusia mengidap sesuatu penyakit akan berada dalam tekanan dan kerisauan akibat sakit yang dialami. Emosi ini turut memberi kesan terhadap keseluruhan kehidupan dan aktiviti sehariannya.<sup>56</sup>

Kepuasan dalam memenuhi keperluan dalaman dicapai oleh seseorang mualaf melalui beberapa faktor antaranya penemuan makna kehidupan. Seseorang manusia sentiasa mencari makna atau justifikasi kehidupannya. Islam meletakkan justifikasi kehidupan seseorang manusia adalah sebagai hamba kepada Allah S.W.T. Seseorang mualaf terdorong untuk mencari faktor-faktor yang boleh memenuhi keperluan aspek spiritual dan jasmani selaras dengan fitrah penciptaan manusia. Islam dan syariatnya adalah satu-satunya jalan untuk mengurangkan ketidakstabilan, kekurangan, kelopangan dan kekosongan yang dialami pada fikiran dan jiwa seseorang mualaf kerana agama Islam dikurniakan Allah S.W.T untuk seluruh makhluk ciptaanNya.

Setiap manusia pastinya sentiasa berusaha untuk memenuhi kekosongan jiwa yang dialaminya dalam kehidupan. Seorang mualaf bernama Ali Bregale, merupakan seorang anak penganut Kristian Protestant yang merasai kekosongan jiwa semenjak kecil dan kegelisahan terus dirasai semasa dialam sekolah sehingga masuk perguruan tinggi. Beliau telah meneliti kandungan sebuah al-Quran dan merasa tenang dan tenteram sebelum selesai membacanya. Perubahan ini telah merangsangnya untuk terus mencari maklumat berkaitan Islam dan akhirnya telah mengumumkan keislamannya apabila berasa puas hati dengan ketinggian Islam.<sup>57</sup>

---

<sup>55</sup> Michael W. Passer & Ronald E. Smith (2009), *Psychology: The Science Of Mind And Behavior*, c. 4, New York: Mc-Graw Hill, h. 403.

<sup>56</sup> Hariyati Shahrima Abd. Majid (2005), “The Role of Psychological Factors in Health and Illness: The Application and Future Direction of Health Psychology in Malaysia”, *Contemporary Issues In Malaysian Psychology*, Malaysia: Thomson Learning, h. 52-53.

<sup>57</sup> Musthafa Fauzi Abd.Latif Pnys. (1994), *Manusia di Bawah Curahan Cahaya Ilahi*, trj. H. Uthman Mahrus & Abdullah Hadziq, Semarang: CV. Asy Syifa’, h. 345-346.

Manusia juga cenderung untuk mengekalkan kestabilan diri. Setiap diri sentiasa berusaha untuk mengurangkan dorongan-dorongan keperluan yang dialaminya. Kewujudan dorongan berpunca apabila berlaku sesuatu kekurangan pada diri seseorang. Proses pengurangan dorongan ini tertumpu kepada mekanisme-mekanisme motivasi dalaman. Teori pengurangan dorongan dalam motivasi menjelaskan bahawa seseorang manusia mempunyai motivasi untuk mengurangkan dorongan mekanisme dalaman yang dialaminya. Sesuatu dorongan akan menjadi semakin berkurangan apabila sesuatu kehendak itu telah dapat dipenuhi.<sup>58</sup> Sebagai contoh, seseorang yang lapar akan berusaha memenuhi kehendaknya untuk mendapatkan makanan. Dorongan untuk mendapatkan makanan akan meningkat selagi makanan yang dicari untuk mengurangkan dorongan kelaparannya belum ditemui. Rasa kepuasan akan dialami apabila makanan telah diperolehi dan rasa lapar yang dialami telah dipenuhi. Ini bermakna dorongan untuk mencapai matlamat telah dapat dikurangkan kerana kehendak telah dapat dipenuhi. Seseorang akan berasa puas hati apabila segala kekurangan dalam keperluannya telah dapat dipenuhi.

Banyak kajian yang dibuat mendapati bahawa kekuatan seseorang terhadap pegangan beragama menjadikan individu itu lebih sihat mental dan fizikal, dan pada kebiasaannya dia akan berasa gembira dan puas dengan kehidupannya.<sup>59</sup> Ahli psikologi telah mengemukakan beberapa teori berkaitan faktor kepuasan manusia dalam kehidupan. Sebenarnya terdapat pelbagai faktor kepuasan manusia dan ia adalah berbeza antara seorang individu dengan individu yang lain. Sebahagian manusia mendapat kepuasan dalam kehidupan apabila hidup dalam keadaan baik dan menggembirakan seperti mana yang dikehendaki. Sebahagian yang lain menikmati kepuasan dengan merasai pengalaman yang menggembirakan. Sebahagian lagi menikmati kepuasan apabila cita-citanya tercapai dan sebahagian yang lain merasai kepuasan apabila mendapati dirinya berbeza dan mengatas orang lain.<sup>60</sup> Demikianlah manusia sentiasa menuju ke arah sesuatu yang memberi kepuasan terhadap keperluan dirinya sama ada aspek spiritual mahu pun aspek fizikal dalam mengharungi kehidupan seharian.

---

<sup>58</sup> *Ibid.*, h. 166.

<sup>59</sup> William C. Compton (2005), *op.cit.*, h. 196.

<sup>60</sup> Mirsā Kamāl Ibrāhim (2000), *al-Sa`ādah wa Tanmiyyah al-Šiḥāḥ al-Nafsiyyah*, Misr: Dār Al-Nashr li al-Jāmiyat, h. 46-48.

Satu kajian yang telah dilakukan berkaitan isu dorongan pengislaman ini, mendapati bahawa terdapat korelasi antara penolakan Kristian dan penerimaan dalam agama Islam serta wujudnya tiga tema penting yang berbeza antara responden kajian dalam pemelukan Islam iaitu *wandering (moratorium)*, *discovery (transition)*, dan *fulfillment (self-actualization)*.<sup>61</sup>

Dorongan yang dialami adalah berbeza antara seorang mualaf dengan seseorang yang lain atau mungkin sama dengan individu yang lain. Seseorang mualaf kerap kali bertindak mendekati dan memeluk Islam apabila berasa perlu untuk mengurangkan dorongan yang wujud dalam diri yang dirasai tersebut.

## KESIMPULAN

Golongan mualaf memeluk agama Islam disebabkan beberapa faktor antaranya menemui kebenaran Islam hasil pembacaan dan pergaulan, beroleh petunjuk daripada Allah S.W.T serta mempunyai matlamat tertentu seperti mudah mendapat pertolongan, hasil perkahwinan dengan orang Islam dan sebagainya. Terdapat dua dimensi dorongan keperluan seseorang mualaf memeluk Islam. Pertama, dorongan dalaman iaitu aspek internal yang datang daripada dalam diri individu seperti keinginan mencari makna hidup serta keinginan mendapat ketenangan. Kedua, dorongan luaran iaitu aspek eksternal yang muncul daripada luar diri antaranya hasil daripada pemerhatian, kajian mengenai Islam, keyakinan Islam dapat menyelesaikan masalah, mendapat ilham atau mimpi, pengaruh pergaulan dengan orang Islam, perkahwinan dengan pasangan beragama Islam, mengikut keluarga atau pengislaman sekeluarga, mudah mendapat bantuan kewangan dan kebajikan. Kesemua dorongan internal dan external yang dialami oleh golongan mualaf ini menemukan mereka kepada agama Islam yang berupaya memenuhi keperluan spiritual dan jasmani yang selaras dengan dua entiti utama penciptaan manusia sekali gus mengurangkan ketegangan serta ketidakstabilan yang dialami oleh jiwa dan perasaan sehingga mendorong kepada pengislaman mereka.

---

<sup>61</sup> Jeffery Jay Morton (2003), Embracing Islam: Conversion Narratives of American Muslims Living in Southern California, Tesis Doktor Falsafah, School of Intercultural Studies, Biola Universiti, h. 180.